



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/85 (128)

Tarikh : 11 April 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N22 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN DI PARLIMEN MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam sedang dalam proses persediaan **pengisian 2 kekosongan jawatan Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22 di Parlimen Malaysia** dan dengan ini memohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 yang layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N22 berdasarkan syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Telah **disahkan dalam perkhidmatan;**
- 2.2 Dilantik kali pertama dalam perkhidmatan awam pada **31 Oktober 2008 dan sebelum dalam Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) sebelum ditukar lantik ke Skim Perkhidmatan Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat;**
- 2.3 **Tidak hilang kekananan** yang boleh menyebabkan **tarikh lantikan ke Gred N19 berubah ke tarikh 1 November 2008 dan seterusnya;**

...2/

- 2.4 Markah wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang 80%**;
- 2.5 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.6 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.7 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;
- 2.8 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan;
- 2.9 Tidak bersara wajib atau memilih bersara pilihan dalam tempoh 5 tahun daripada tarikh iklan dikeluarkan; dan
- 2.10 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 30 April 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Perkhidmatan  
Aras 1, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 PUTRAJAYA  
(u.p. : **Puan Norziahulshima binti Tajuddin**)

5. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan)**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. **Puan Nor Haslina Binti Ibrahim** - 03-8885 4311  
([haslina.ibrahim@jpa.gov.my](mailto:haslina.ibrahim@jpa.gov.my))
- ii. **Puan Salina Binti Ibrahim** - 03-8885 4939  
([salina.ibrahim@jpa.gov.my](mailto:salina.ibrahim@jpa.gov.my))
- iii. **Puan Sharifatul Aishah Binti Baseri** - 03-8885 4161  
([aishah.baseri@jpa.gov.my](mailto:aishah.baseri@jpa.gov.my))

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(NORZIATULSHIMA BINTI TAJUDDIN)**

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama  
Bahagian Perkhidmatan  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

**MALAYSIA**

☎ : 03-8885 4110

✉ : [shima.tajuddin@jpa.gov.my](mailto:shima.tajuddin@jpa.gov.my)